

31 JUL 1998

China-lawatan

MENTERI LUAR CHINA TIBA UNTUK LAWATAN EMPAT HARI

SEPANG, 31 Julai (Bernama) -- Menteri Luar China Tang Jiaxuan tiba hari ini untuk lawatan rasmi empat hari ke Malaysia.

Tang, yang tiba dari Manila setelah menghadiri mesyuarat dengan menteri-menteri Asean, mengetuai rombongan 10 orang.

Lawatan beliau adalah hasil jemputan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ketibaan Tang di Lapangan Terbang Antarabangsa KL disambut oleh Setiausaha Bahagian bagi Asia Timur dan Barat Datuk Syed Norulzaman Syed Kamarulzaman dan Duta China ke Malaysia Qian Jinchang.

Beliau dijadual menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perbincangan Tang dengan Abdullah dijangka berkisar kepada soal kepentingan bersama serta isu serantau dan antarabangsa.

Nilai perdagangan Malaysia-China meningkat kepada RM17.8 bilion tahun lepas berbanding RM9.45 bilion pada 1996.

-- BERNAMA

RV MAI